



U
Norazi
0
0

► Jika anda berada di sekitar kawasan Bdr Seri Permaisuri, Tmn Tenaga, Bdr Tun Razak, Tmn Saga, Tmn Segar, Tmn Cuepacs, Tmn Midah, Tmn Connought, Tmn Bukit C latan, Tmn Cheras Utama, Bdr Baru Tun Hussein Omn, Balakong hubungi Skwad Cakna kami untuk segala maklumat.

Pekerja bank berdemonstrasi bantah pembatalan bonus

Gaji pekerja bank bukannya banyak, kalau bonus pun hendak dipotong, macam mana kakitangan bank ini mahu menanggung perbelanjaan harian keluarga dan persekolahan anak-anak.

MOHAMAD SYAIFUL KARIM

TAMAN MALURI - Kira-kira 100 anggota Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) semalam mengadakan demonstrasi secara aman membantah keputusan empat institusi kewangan yang enggan menjelaskan bonus sebanyak dua bulan seperti yang tertakluk dalam Berjanjian Bersama perkhidmatan mereka. Semua mereka yang terdiri daripada kakitangan. Maybank, CIMB, RHB dan Bank Hong Leong di kawasan Taman

Maluri serta kawasan berhampiran.

Menurut Presiden NUBE, S. Sivabalan yang turut menyertai demonstrasi itu berkenaan berkata, pihak pengurusan semua bank terbabit pada 23 Ogos lalu bersejua menaikkan 30 peratus gaji kakitangannya.

Bagaimanapun pihak bank menetapkan syarat bonus sebanyak dua bulan yang diterima sebelum ini akan ditarik balik.

"Kalau bagi kenaikan gaji sebanyak 30 peratus tetapi bonus yang selama ini diterima tidak dibayar, samalah seperti tidak ada kenaikan gaji, jadi NUBE minta keputusan membatalkan bayaran bonus itu ditarik balik.

"Gaji pekerja bank bukannya banyak, kalau bonus pun hendak dipotong, macam mana kakitangan bank ini mahu menanggung perbelanjaan harian keluarga dan



Beberapa anggota NUBE berdemonstrasi secara aman membantah tindakan pengurangan empat bank menarik semula bonus sebanyak dua bulan kepada mereka.

persekolahan anak-anak," belum ini seolah-olah tidak menghargai keabajikan dan pengorbanan pekerja selama ini.

Menurutnya, keputusan bank membatalkan bonus dua bulan yang diberi seperti tahun-tahun se-

an semua bank berkenaan menarik semula keputusan itu dan pada masa yang sama memberikan kenaikan gaji sebanyak 30 peratus seperti dipersetujui.